

MyTVET@PTSBS

APRIL - JUN 2024 | EDISI KEDUA 2024



PN. NURASYKIN FAZIL
Pengarah Program Rumble Drone Soccer
"Rumble Drone Soccer"



PN. YUSMA YUSOF
Mantan Pengarah PTSB
"Down the Memory Lane"



EN. AZIM NURHAKIM
Pengarah Syarikat AWR Construction Sdn Bhd
"Alumni Success Story"



PTSBS podcast



YouTube Shout TVET PTSB

LAWATAN AKREDITASI ETAC

PTSBS menerima lawatan delegeasi ETAC seramai 21 orang panel

**KURSUS JURUAUDIT DALAMAN:
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**
Tingkat Budaya Kerja Cemerlang

ISSN 2805-5128



9 772805 512002



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Ruzi bin Hamzah
Pengarah PTSB

PENASIHAT

Mohd Zamre bin Ab Rahman
Timbalan Pengarah
Akademik PTSB

KETUA EDITOR

Faridah binti Hj Ismail

PEN KETUA EDITOR

Masniza binti Musa

SETIAUSAHA

Myzatul binti Mansor

PEN SETIAUSAHA

Maziah binti Omar

PEREKA GRAFIK DAN SUSUN ATUR

Fazaliana binti Zamzuri

EDITOR

Noor Azilla binti Md Radzi
Noor Azma binti Abu Bakar
Zuraini binti Ibrahim
Suria binti Masnin

FOTOGRAFI

Koleksi daripada PPDM dan pensyarah PTSB

SENARAI PENULIS DAN PENYUMBANG

Norhayati Osman - JKA
Eva Erna Basiran - UPK
Siti Arfah Abd Jalil - JKM
Noor Azilla Md Radzi - JMSK
Nor Farahain Dzulkafli - JP
Saleha Awang Kechik - JKM
Charanjeet Kaur Amtar Singh - JP
Faridah Ismail - JMSK
Dr. Janet Ho Siew Ching - JMSK
Nurul Malihah Marzuan - JKE
Mohammad Nor Aiman - UPPsi
Maziah Omar - JMSK
Ts. Faizatulhaida Md Isa - JMSK
Nor Laili Abdul Rahman - JKM
Azman Salleh - JKE
Maslina Suleiman - JKA
Nurfah Nabilah Mohd Fadzil - JP
Ts. Azhani Ariffin - PPDM

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Kulim Hi-Tech Park

09090 Kulim

Kedah Darul Aman

Website: <http://www.ptsb.polycc.edu.my>

No. Tel: 04-4033333

No. Faks: 04-4033033

Buletin ini diterbitkan secara sukuan

(4 kali setahun)

ISI KANDUNGAN

01

APRIL 2024

1 - 9

- *FUNDAMENTAL REVIT ENHANCEMENT PROGRAMME*
- CSR JKM KEPADA PERPUSTAKAAN PTSB
- *CIVIL ENGINEERING DAY @ PTSB*
- PROGRAM KERJASAMA ALUMNI BERSAMA PELAJAR BERKAITAN IOT
- AUDIT PEMATUHAN 2 ISO 45001 : 2008 (*NIOSH CERTIFICATION*)
- PROGRAM *SHUTTERSILLS PRODUCT PHONETOGRAPHY COURSE FOR DPU30013 DIGITAL ENTREPRENEURSHIP STUDENTS INTERMEDIATE PROFESSIONAL SKILL*
- PROGRAM PPI: PELEPASAN CUKAI INDIVIDU TAHUN TAKSIRAN 2023
- PROGRAM *KNOWLEDGE SHARING WITH INDUSTRY ACCOUNTING INFORMATION SYSTEM AND ARTIFICIAL INTELLIGENCE*

02

MEI 2024

10 - 27

- *MECHATRONIC GATHERING* DAN PROGRAM PEMANTAPAN PENCAPAIAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK
- LAWATAN ILMIAH KE CHENDEROH POWER STATION CHENDEROH DAM
- PROGRAM MOBILITI PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN PTSB MELALUI PANEL PENILAI JEMPUTAN LUAR NEGARA SEKOLAH TINGGI ILMU MANAJEMEN SUKMA MEDAN INDONESIA
- LAWATAN AKREDITASI ETAC
- *COMMERCE BUSINESS INNOVATION EXHIBITION V.1 2024 (COMBINE)*
- PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KE MDC PRECAST INDUSTRIES SDN. BHD.
- TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESEDARAN AWAM DENGAN KERJASAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (ZON 2, PERAK)
- CSR KELAB BAHASA MANDARIN PTSB "*WE LOVE, WE CARE, WE SHARE*" SJK (C) CHUNG HWA
- LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DET(JKE) KE TNB JANAMANJUNG SDN. BHD STESEN JANAKUASA SULTAN AZLAN SHAH
- *MECHANICAL ENGINEERING DEPARTMENT FINAL YEAR PROJECT EXHIBITION & COMPETITION (MEDFEC) DAN PEMBENTANGAN PROPOSAL PROJEK 1 BAGI SESI 2 2023/2024*
- PROGRAM EKSPLORASI SILANG BUDAYA & KHIDMAT KOMUNITI ANTARABANGSA PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) PTSB KE SELATAN THAILAND TAHUN 2024

ISI KANDUNGAN

02

MEI 2024

10 – 27

- KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH (UNMUHA), BANDA ACEH INDONESIA KE JABATAN PERDAGANGAN PTSB
- KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI KULIM (KPTK) 2024 FASA 2
- “WASTE TO WEALTH DAY”
- STEM + CSR @MERBAU PULAS
- MAJLIS KESYUKURAN DAN APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 SESI II 2023/2024

03

JUN 2024

28 – 38

- PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI BERSAMA NGO
- KURSUS JURUAUDIT DALAMAN: EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
- KURSUS RASPBERRY PI UNTUK PEMROSESAN IMEJ
- KURSUS *AI SERVER ADMINISTRATION WITH VMWARE ESXI AND NVAIE*
- KURSUS PENGAKAP KELANA UDARA KANAN (SENIOR AIRMAN COURSE)
- BENGKEL *CATALOGING AND CLASSIFICATION*
- KURSUS *CNC TURNING*
- KURSUS ASAS GEGAS
- BENGKEL PEMBANGUNAN PLATFORM *MICRO CREDENTIAL* TAHUN 2024
- PTSB PODCAST “BUAL SANTAI@PTSB”




FUNDAMENTAL REVIT ENHANCEMENT PROGRAMME

Oleh: NORHAYATI OSMAN

17, 18 & 24 April 2024 – Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) telah menganjurkan *Fundamental Revit Enhancement Programme* yang melibatkan pelajar program Diploma Kejuruteraan Awam yang mengambil kursus DCC50242-*Building Information*. Kursus ini bertujuan membantu pelajar menggunakan perisian Revit untuk merekabentuk sesuatu model binaan bangunan serta diberi tugas mini projek dalam tempoh program tersebut.

Secara keseluruhannya, semua pelajar dapat menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh kursus dengan menghasilkan model rekabentuk dengan lebih tepat dan terperinci sepertimana kehendak soalan yang telah diberikan.

Kursus *Fundamental Revit Enhancement* ini sangat bermanfaat kepada pelajar kerana ianya merupakan salah satu nilai tambah pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.





CSR JKM KEPADA PERPUSTAKAAN PTSB

Oleh: EVA ERNA BASIRAN

20 April 2024

- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PTSB telah melaksanakan CSR bersama pelajar di Perpustakaan Al-Khawarizmi PTSB melalui sumbangan buaian gergasi di Laman Ilmu Perpustakaan. Buaian gergasi ini merupakan hasil projek pelajar JKM disumbangkan kepada perpustakaan bagi tujuan untuk pelajar-pelajar yang datang ke perpustakaan bersantai sambil belajar di ruang terbuka ini.

Secara tidak langsung, aktiviti ini mendedahkan para pelajar tentang tanggung jawab sosial bagi menaikkan semangat pelajar melihat hasil kerja sendiri dihargai untuk memperkukuh semangat kemasyarakatan dan keharmonian di kalangan para pelajar, dengan tujuan meningkatkan kesedaran mengenai hubungan dan peranan sosial para pelajar politeknik.

CIVIL ENGINEERING DAY @ PTSB

Oleh: NORHAYATI OSMAN

21 April 2024 - *Civil Engineering Day @ PTSB* telah dilaksanakan dengan anjuran dan kerjasama antara Jabatan Kejuruteraan Awam PTSB, *North Lab Sdn Bhd*, JKR Jelevu, Negeri Sembilan, Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Pengairan & Saliran, Kulim. Program ini telah dijalankan di Jabatan Kejuruteraan Awam, PTSB dan disertai seramai 250 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 1-5 Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB).

Program ini telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kejuruteraan awam dalam pembangunan infrastruktur, pemeliharaan alam sekitar dan kelestarian alam. Selain daripada itu, minat pelajar juga dapat dipupuk untuk meneruskan karier dalam bidang kejuruteraan awam serta menyediakan maklumat tentang peluang kerjaya dalam bidang kejuruteraan awam serta mendorong hubungan antara pelajar dan industri.

Impak daripada program ini ialah dapat membantu meningkatkan kesedaran pelajar tentang pentingnya kejuruteraan awam serta dapat merangsang minat pelajar untuk mengambil bidang kejuruteraan awam sebagai karier. Taklimat motivasi dan taklimat personaliti yang diberikan telah membantu pelajar meningkatkan motivasi dan semangat belajar dan pelajar dapat memahami ciri-ciri dan kecenderungan peribadi pelajar. Dengan memahami perbezaan dalam gaya komunikasi yang terkait dengan berbagai personaliti, pelajar dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk berkomunikasi secara efektif dengan orang lain.





PROGRAM KERJASAMA ALUMNI BERSAMA PELAJAR BERKAITAN IOT

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

21 April 2024 - Program ini merupakan salah satu usaha untuk membina hubungan baik antara alumni dengan warga JKM PTSB. Disamping itu juga pelajar berpeluang untuk mendengar perkongsian ilmu berkaitan industri terkini berkaitan IOT. Selain itu juga pelajar dapat berkongsi pengalaman kerja yang sangat berguna sebagai panduan untuk menjalani latihan industri seterusnya ke alam pekerjaan nanti. Pada sesi seterusnya pelajar didedahkan berkaitan cara untuk membuat program menggunakan kit *Arduino Uno* dan *Raspberry Phi Zero*. Besar harapan agar program ilmiah serta perkongsian ilmu seperti ini dapat diadakan di masa akan datang bagi memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Kursus ini dihadiri seramai 30 orang pelajar yang mengambil kursus DJJ40183 *PROJECT 1* dan ia bermula dari jam 8.00 pagi dan tamat jam 5.00 petang yang bertempat di Makmal CNC, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Penceramah kursus ini adalah daripada alumni PTSB iaitu En. Mohd Faizal Bin Adris, *Data Science And Automation Engineer* dari INTEL CORPORATION PENANG.

Secara keseluruhannya, program ini dapat memberi impak yang sangat besar kepada pelajar dan juga pensyarah. Pelajar dapat melakukan koding *Arduino* dan *Raspberry Phi* atas bimbingan yang diberikan oleh penceramah yang juga merupakan alumni JKM, PTSB. Pelajar boleh menggunakan pengalaman ini untuk melaksanakan projek akhir mereka.



AUDIT PEMATUHAN 2 ISO 45001 : 2008 (NIOSH CERTIFICATION)

OLEH : NOOR AZILLA MD RADZI



23 - 24 April 2024

- PTSB telah menerima Lawatan Audit Pematuhan 2 ISO 45001 : 2008 yang melibatkan dua orang auditor dari pihak NIOSH iaitu Encik Hasnan Jamaluddin dan Encik Muhammad Zulfadhli Mohd Jamal. Skop pensijilan memfokuskan penyediaan pengajaran dan pembelajaran di Bengkel dan Makmal di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Audit ini berlangsung dengan lancar selama dua hari yang turut melibatkan keseluruhan staf akademik dan juga staf sokongan.

PROGRAM SHUTTERSILLS PRODUCT PHONETOGRAPHY COURSE FOR DPU30013 DIGITAL ENTREPRENEURSHIP STUDENTS

OLEH: NOR FARAHAIN DZULKAFI

24 April 2024

– Program Product Phonetography bagi Kursus DPU30013 Digital Entrepreneurship ini merupakan program yang memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai fotografi produk. Program ini disertai semua pelajar Diploma Pengajian Perniagaan Semester 4 (DPM4A) seramai 102 orang dan Diploma Pemasaran Semester 5 (DPR) seramai 41 orang.



Fotografi produk adalah cabang dari fotografi yang berfokus pada pengambilan gambar produk dengan tujuan untuk mempromosi, memasarkan atau menjual produk. Program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan fotografi komersial yang dapat menarik pembeli dengan mempamerkan butiran dan ciri produk. Fotografi produk meliputi pelbagai jenis produk, seperti produk makanan, minuman, perhiasan, pakaian, barang elektronik dan peralatan rumah.



Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan kemahiran para peserta dalam tatacara serta teknik untuk mengambil gambar produk dengan baik. Selain itu, para peserta juga dapat meningkatkan ilmu berkaitan bagaimana visual produk dapat mempengaruhi persepsi pengguna serta strategi pemasaran visual yang efektif dan kepentingan fotografi produk dalam perniagaan.



INTERMEDIATE PROFESSIONAL SKILL



Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

25 April 2024

- Satu program kemahiran yang dikenali sebagai INTERMEDIATE PROFESSIONAL SKILL (IPS) telah dijalankan untuk semua pelajar bagi setiap semester di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Kursus tersebut bertujuan bagi mencapai KPI PHS JKM, KPI COT MRTC (*Teaching & Learning dan Expert Services*), KPI PPI dan KPI 4 JPPKK yang telah ditetapkan dan disamping itu juga dapat mempertingkatkan lagi kemahiran sedia ada dikalangan pelajar.

Program *Intermediate Professional Skill* ini terdiri seramai 388 orang pelajar dan 34 orang pensyarah. Di dalam kursus ini, pelajar dapat mempelajari kemahiran yang berlainan daripada apa yang mereka pelajari seperti bidang 3D *Printing*, Robot KUKA, IoT dan lain -lain.



Secara tidak langsung, program *Intermediate Professional Skill* (IPS) ini memberikan impak maksima kepada kecemerlangan organisasi dan graduan PTSB melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga politeknik dalam bidang mekanikal serta memperkembangkan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan amalan terbaik melalui kerjasama strategik dengan sektor industri, awam dan akademia.



TURUT MENGUNDANG



SARMAH



CHARANJEET KAUR



ADIESAH



PROGRAM PPI

PELEPASAN CUKAI INDIVIDU

TAHUN TAKSIRAN

2023

OLEH: NOR FARAHAIN DZULKAFLI

29 April 2024

– Program Pelepasan Cukai Individu Tahun Taksiran 2023 ini dianjurkan untuk pelajar Diploma Akauntasi Semester 4 yang mengambil kursus DPA 40133 – Malaysian Taxation 1 Taxation 1 yang tertakluk dengan cukai pendapatan. Sesi perkongsian ilmu dan pengalaman ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kedah.

Melalui program ini, semua peserta memperoleh gambaran yang lebih jelas secara realiti berkaitan bentuk-bentuk pelepasan yang dibenarkan untuk tuntutan bagi setiap individu. Program ini juga merupakan sesi perkongsian ilmu berkenaan pendapatan penggajian dan pelepasan cukai individu bagi mengukuhkan pengetahuan sedia ada pelajar.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan para peserta berkenaan pelepasan cukai individu. Secara tidak langsung, melalui program ini para peserta diberi pendedahan berkenaan tanggungjawab sebagai pembayar cukai.

PROGRAM KNOWLEDGE SHARING WITH INDUSTRY ACCOUNTING INFORMATION SYSTEM AND ARTIFICIAL INTELLIGENCE

OLEH: NOR FARAHAIN DZULKAFLI

30 April 2024 – Program ini merupakan perkongsian ilmu berkaitan Accounting Information System and Artificial Intelligence untuk memberi gambaran yang lebih jelas secara realiti kepada pelajar mengenai penggunaan sistem perakaunan dan AI dalam dunia sebenar. Program ini dihadiri seramai 153 orang pelajar dan 3 orang pensyarah PTSB. Perkongsian ini disampaikan oleh Dr. Yurita Yakimin dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Shafinaz Universiti Utara Malaysia.



Melalui kursus ini, semua peserta memperoleh ilmu baharu berkaitan penggunaan AI dalam perakaunan. Pelajar didedahkan dengan penyediaan penyata kewangan dengan menggunakan sistem perakaunan terkini. Program ini juga dapat mendidik, menyebarkan dan meningkatkan kesedaran tentang penggunaan sistem perakaunan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah memberi pendedahan kepada peserta berkenaan penggunaan AI dalam pengurusan perakaunan. Secara tidak langsung, melalui program ini dapat membentuk generasi yang bermaklumat, bijak dan bertanggungjawab dalam menyediakan penyata kewangan yang berkualiti dan boleh dipercayai.

MECHATRONIC GATHERING DAN PROGRAM PEMANTAPAN PENCAPAIAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK

Oleh: SALEHA AWANG KECHIK



02 Mei 2024

– Ketua Program DEM Puan Siti Hajar binti Ismail dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) dan Alumni JKM, Encik Muhammad Daud bin Sallehuddin telah melaksanakan ‘Mechatronic Gathering’ dan Program Pemantapan Pencapaian Akademik dan Sahsiah Pelajar DEM pada 2 Mei 2024. Program ini dijalankan di Dewan Muadzam Shah, PTSB dengan penyertaan 24 orang pelajar DEM pada slot pagi dan 160 orang pelajar DEM pada slot berikutnya.

Slot pagi dimulakan dengan aktiviti ‘Ice Breaking’ Lai Chikang Dua Kupang, Bom Nombor dan Susunan Peserta mengikut Tarikh Lahir tanpa menggunakan sebarang suara. Seterusnya aktiviti Terapi Seni ‘Art Drawing House Tree Person’ (ADHTP) dijalankan bagi memudahkan peringkat eksplorasi yang lebih mendalam terhadap isu yang dihadapi oleh para pelajar agar intervensi yang tepat dapat dijalankan secara berterusan dalam usaha untuk membantu para pelajar memantapkan status akademik dengan memperbaiki kelemahan dalam kaedah pembelajaran

selain membentuk pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Selanjutnya, Alumni JKM, Encik Muhammad Daud bin Sallehuddin seorang Juruteknik dan ‘Master Trainer’ di UCTM telah mengendali sesi perkongsian perjalanan kerjaya beliau bermula di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah seterusnya membawa beliau ke Singapura, Mexico dan negara-negara lain. Memetik kata-kata beliau: “Saya nak bagitahu, siapa yang masuk Politeknik ni, PTSB bertuah, memang bertuah sangat sebab sepanjang saya graduate 2017 dan mula bekerja, dan senior kita yang lepas, bekerja di company yang sama, diorang akan nampak PTSB ni good student, memang bersih. Nama memang cantik.”





Program ditutup dengan slot terakhir Soal Selidik Gaya Pembelajaran Visual, Auditori & Kinestetik (VAK) yang merupakan salah satu Modul Inspirasi Diri (MInD) Politeknik Malaysia Kementerian Pendidikan Tinggi bertujuan memberi fokus kepada gaya pembelajaran yang sesuai kepada peserta selain bertujuan memberi panduan kepada peserta dalam mengatur strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan membantu peserta menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran politeknik.



Program ini diharapkan dapat memberikan impak positif kepada pelajar dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan lebih berkeyakinan untuk menghadapi cabaran semasa pelajar bekerja dan melahirkan graduan yang mampu memenuhi kriteria pihak industri dan meningkatkan lagi imej politeknik dalam menghasilkan graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja setanding pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi yang lain serta menghasilkan pelajar-pelajar yang lebih berkualiti dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Lawatan Ilmiah ke Chenderoh Power Station Chenderoh Dam

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL


03 Mei 2024

– Seramai 35 orang pelajar dan diiringi 7 orang pensyarah telah mengadakan satu lawatan ilmiah ke Chenderoh Power Station di Tasik Chenderoh, Perak. Tujuan lawatan ini adalah untuk pendedahan secara langsung kepada kepada semua pelajar mengenai topik *Thermodynamics* khususnya. Rasional pemilihan empangan stesen janakuasa Cenderoh ini kerana kawasan lawatan tersebut amat sesuai dan memenuhi kriteria keperluan pengajian subjek. Kebanyakan konsep yang telah pelajari di dalam kelas dapat dilihat secara lebih praktikal sepanjang berlangsungnya program ini.

Selain itu aktiviti lawatan ilmiah ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengendalikan/mengelola lawatan. Ia juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan pihak luar. Selain itu dapat memberi pendekatan pembelajaran yang lebih efektif kerana pelajar berpeluang untuk melihat dengan lebih jelas apa yang dipelajari secara teori.

Secara amnya, program ini telah berjaya mencapai tujuannya bagi memberi impak positif kepada pelajar dari segi pengalaman menjalankan program, pengetahuan di ruang sebenar dan pergaulan secara berkumpulan.





PROGRAM MOBILITI PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN PTSB MELALUI PANEL PENILAI JEMPUTAN LUAR NEGARA SEKOLAH TINGGI ILMU MANAJEMEN SUKMA MEDAN INDONESIA

Oleh: CHARANJEET KAUR A/P AMTAR SINGH

05 - 07 Mei 2024

Jabatan Perdagangan telah melaksanakan program mobiliti pelajar melalui panel penilai jemputan dari Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen Sukma Medan Indonesia iaitu DR Wardayani, SE, M.Si. Program ini telah dirancang oleh penyelarar kursus DPM 40073 - Marketing Research dan Ketua Program Pemasaran, Encik Huzaimi bin Md Zuki seterusnya dilaksanakan bersama-sama pelajar-pelajar yang mengambil kursus DPM 40073 iaitu DPR4A - 41 orang dan DPR4B - 41 orang. Program ini juga disertai oleh seramai 20 orang pelajar-pelajar dari Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen (STIM Sukma).

Objektif program ini adalah sebagai pengisian agenda kolaborasi strategik yang telah dipersetujui antara ke dua-dua institusi. Selain itu objektif program ini juga adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan pensyarah berkaitan penyelidikan pemasaran yang berlainan institusi terutama luar negara. Program ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 05 dan 07 Mei 2024. Ia menggabungkan penglibatan Panel Luar yang terdiri daripada Dr. Dalili Izni dari UiTM Pulau Pinang dan Dr. Siti Aishah Edros dari Politeknik Hulu Terengganu.



Program ini telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Jabatan Perdagangan (KJP), Encik Abdul Aziz bin Ishak. Dalam ucapan alu-aluan tersebut, beliau dengan sukacitanya merasa bangga dan berterima kasih kepada para panel dan panel jemputan walaupun diadakan secara atas talian tetapi berjaya memberi impak yang berkesan dalam senario kursus penyelidikan pemasaran. Beliau juga berharap semoga komen-komen yang telah disampaikan oleh panel akan dapat menambah baik aspek penyelidikan pemasaran terutamanya kepada pensyarah untuk digunapakai di masa-masa akan datang. Impak daripada program ini diharapkan dapat memberikan input dan cadangan untuk membuat penambahbaikan kualiti pembentangan di kalangan pelajar yang mengambil kursus ini di samping laporan dan maklum balas daripada panel luar akan digunakan untuk peningkatan kualiti berterusan disamping dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan pemasaran kepada pensyarah bidang pemasaran juga kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini.

LAWATAN AKREDITASI

ETAC

Oleh: FARIDAH ISMAIL

06 - 07 Mei 2024

– PTSB telah menerima lawatan akreditasi dari pihak *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) untuk tujuan penilaian bagi tujuh program diploma kejuruteraan. Penilaian ini melibatkan program diploma DTK, DEE, DEP, DKM, DEM, DTP dan DKA. Lawatan selama 2 hari ini melibatkan delegasi dari ETAC yang melibatkan seramai 21 orang panel penilai ETAC diketuai oleh ketua delegasi (HOD), pemerhati dari ETAC, JPPKK serta beberapa politeknik.

Pada hari pertama lawatan, panel penilai membuat penilaian setiap program melalui sesi pembentangan oleh wakil program (Ketua Jabatan/Ketua Program), semakan dokumen serta temubual dengan staf (akademik dan sokongan), pelajar semasa, serta pemegang taruh (panel penilai industri, panel penilai akademik, panel penilai luar dan wakil Alumni PTSB). Manakala pada hari kedua lawatan, para panel penilai ETAC melawat fasiliti di dalam PTSB seperti perpustakaan, unit peperiksaan, JSKK, Kamsis, kafeteria, bengkel serta makmal.

Hasil daripada lawatan ini, pihak ETAC secara keseluruhannya memberikan maklumbalas positif terhadap kesemua 7 program yang telah dinilai. Justeru, PTSB mengharapkan agar kesemua program yang telah dinilai akan mendapat akreditasi penuh daripada ETAC bagi memastikan PTSB sentiasa relevan dan diiktiraf sebagai institusi TVET yang unggul.





COMMERCE BUSINESS INNOVATION EXHIBITION V.1 2024 (COMBINE)

Oleh: NOR FARAHAIN DZULKAFI

07 Mei 2024

- Pertandingan *COMMERCE BUSINESS INNOVATION EXHIBITION V.1 2024* (ComBInE) telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdagangan sebagai satu platform atau medium untuk para pelajar Semester Akhir mempertandingkan hasil projek akhir mereka. Pertandingan ComBInE V.1 2024 dilaksanakan secara bersemuka bertempat di Jabatan Perdagangan, PTSB.

Peserta terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus DPB50163 - *Business Project* disamping penglibatan daripada para pelajar DPM4 yang bakal mengambil kursus ini pada sesi akan datang. Ianya sebagai satu langkah pendedahan awal kepada mereka. Penilaian projek ini akan dilakukan oleh panel industri yang merupakan penasihat program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) iaitu Puan Nuraida binti Yahya, Presiden Pertubuhan Usahawan Kosmetik Bumiputra Utara dan alumni program DPM iaitu Encik Mohd Kamil bin Abu Hassan, Pengarah Urusan Bina Mega Resources.

Melalui pertandingan ini, semua peserta dapat meningkatkan keupayaan dalam mencabar diri untuk menghasilkan produk inovasi yang berimpak tinggi. Selain itu, pelajar juga dapat menzahirkan kreativiti dalam membudayakan kajian inovasi.



Secara keseluruhannya, pertandingan ini telah berjaya meningkatkan semangat pelajar dalam membudayakan inovasi. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan keyakinan para peserta dalam menjalankan pembentangan dalam sesuatu pertandingan. Selain itu, melalui pertandingan ini juga, ianya dapat menghargai usaha kajian yang dibangunkan oleh pelajar dan pensyarah serta dapat meningkatkan kerjasama di antara jabatan dan industri.





PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KE MDC PRECAST INDUSTRIES SDN. BHD.



Oleh: **NORHAYATI OSMAN**

08 MEI 2024

– Seramai 30 pelajar Diploma Kejuruteraan Awam telah menyertai Lawatan Akademik ke MDC Precast Industries Sdn. Bhd. di Sungai Petani, Kedah. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman pelajar berkaitan industri bahan binaan dan proses penghasilan konkrit terkini dan juga dapat memenuhi PLO 1 dan PLO 12 iaitu untuk memantapkan pengetahuan asas kejuruteraan awam dan kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah bagi kursus Civil Engineering Material.

Hasil daripada program ini, pelajar berkemampuan mengendalikan aktiviti dengan jayanya melalui kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam aktiviti berkumpulan. Pelajar juga dapat menambah pengetahuan berkaitan dengan penghasilan konkrit siap campur (ready-mixed concrete) yang berkualiti dalam industri pembinaan melalui sesi perkongsian ilmu oleh wakil dari MDC Precast Industries Sdn. Bhd.

TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESEDARAN AWAM DENGAN KERJASAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (ZON 2, PERAK)

Oleh: NOR FARAHAIN DZULKAFLI

09 Mei 2024

– Program Taklimat Keselamatan dan Kesedaran Awam Dengan Kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Zon 2, Perak) ini menumpukan kepada pelajar Jabatan Perdagangan yang terdiri dari Program Diploma Akauntasi, Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pemasaran.



Program ini diadakan untuk mendidik para pelajar mengenai langkah-langkah keselamatan yang patut diambil sekiranya berlaku kebakaran sama ada berlaku di rumah atau premis. Melalui program ini juga para peserta diberi gambaran yang jelas berkenaan bahaya dan akibat daripada kebakaran dan bencana seperti kemusnahan harta benda, sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Selain itu, program ini memberikan pendedahan teori dan praktikal berkenaan tatacara pencegahan dan langkah-langkah jika berlakunya kebakaran serta kepentingan keselamatan secara amnya. Para peserta juga didedahkan dengan maklumat berkaitan aktiviti air seperti di pusat rekreasi, tasik, sungai, jeram dan kolam.



Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan pemahaman para peserta berkenaan tatacara pencegahan dan langkah-langkah jika berlakunya kebakaran dan hal kecemasan sewaktu beraktiviti air. Secara tidak langsung, melalui program ini para peserta telah meningkatkan satu lagi ilmu berkaitan langkah keselamatan yang betul semasa berhadapan dengan kebakaran dan bencana.





PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

CSR KELAB BAHASA MANDARIN PTSB "WE LOVE, WE CARE, WE SHARE"

SJK (C) Chung Hwa

OLEH: DR. JANET HO SIEW CHING

09 Mei 2024

- Program Khidmat Masyarakat (CSR) Kelab Bahasa Mandarin PTSB, "We Love, We Care, We Share" telah dilaksanakan bertempat di Dewan sekolah, SJK (C) Chung Hwa, Sungai Lalang, Kedah.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta minat pelajar sekolah terutama dalam mendekati, mendalami serta mempraktikkan ilmu dan budaya Bahasa Mandarin yang dipelajari.

Seramai 17 pelajar PTSB ditugaskan sebagai penganjur program, dan disertai oleh 49 pelajar sekolah rendah berkenaan. Program ini adalah Mini Projek Pelajar PTSB bagi kursus MPU 24021 KELAB (Ko-Kurikulum) bawah selian Dr. Janet Ho Siew Ching dan Pn. Minarnie Hadzira Binti Mohamad yang bertujuan untuk melatih pelajar dalam penguasaan kemahiran insaniah dalam kumpulan serta mengelolakan aktiviti.





LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DET(JKE) KE TNB JANAMANJUNG SDN. BHD STESEN JANAKUASA SULTAN AZLAN SHAH

Oleh: NURUL MALIAH MARZUAN

09 Mei 2024

– Satu program lawatan akademik ke Tenaga Nasional Berhad JanaManjung Sdn. Bhd Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah, Manjung, Perak telah diadakan dengan jayanya. Lawatan ini disertai oleh seramai 30 orang pelajar dari program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dan 3 orang pensyarah pengiring yang diketuai oleh Ts. Hartini binti Abdul Hamid. Ketibaan rombongan disambut baik oleh tenaga pengajar Center Of Excellence (COE) TNB Manjung.

Sepanjang lawatan ilmiah tersebut, para peserta telah diberikan penerangan mengenai latar belakang stesen jana kuasa serta operasi stesen secara keseluruhannya. Selain itu, tenaga pengajar membawa peserta melawat ke sekitar stesen jana kuasa dan pusat COE serta berkongsi proses pembakaran arang batu bersih yang memenuhi piawaian alam sekitar yang ketat mengikut ketetapan Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Secara keseluruhannya, program ini telah memberi input yang sangat berharga kepada para peserta serta pengalaman berada di stesen pengeluar tenaga elektrik terbesar di Semenanjung Malaysia.



MECHANICAL ENGINEERING DEPARTMENT FINAL YEAR PROJECT EXHIBITION & COMPETITION (MEDFEC) DAN PEMBENTANGAN PROPOSAL PROJEK 1 BAGI SESI 2 2023/2024

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

09 Mei 2024

- Program *MECHANICAL ENGINEERING DEPARTMENT FINAL YEAR PROJECT EXHIBITION & COMPETITION (MEDFEC)* dan pembentangan proposal projek 1 SESI 2 2023/2024 merupakan acara yang diadakan setiap hujung semester di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal sebagai langkah menilai kerja akhir Projek Pelajar Semester 2 bagi kod kursus DJJ50193 (Projek 2) dan juga Projek 1 .



Sejumlah 9 projek pelajar tahun akhir dari 3 bidang dipamerkan di Dewan Muadzam Shah dan dinilai oleh panel dari 12 orang pensyarah yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang masing-masing. Manakala seramai 144 pelajar dari semester 4 membentangkan proposal mereka mengikut kumpulan masing-masing yang dinilai oleh pesyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Setiap kumpulan diperuntukkan selama 15 minit untuk membentangkan projek dan proposal masing-masing.



Objektif utama pameran ini adalah untuk mempamerkan hasil kerja pelajar tahun akhir dan menilai hasil inovatif, menyediakan platform untuk perbincangan kerjaya dengan rakan industri yang turut serta, serta mencipta peluang untuk kerjasama dan memperkuat rangkaian industri dan alumni kejuruteraan meknikal. Pameran ini telah menyaksikan pencapaian yang cemerlang daripada pelajar tahun akhir dalam bidang kejuruteraan. Projek-projek yang dipamerkan menunjukkan idea-idea kreatif, inovatif, dan relevan yang mampu menangani cabaran dalam industri kejuruteraan masa kini. Setiap projek telah disusun dengan teliti dan mengikut kaedah saintifik yang tepat, menunjukkan dedikasi dan usaha yang tinggi dari pelajar-pelajar ini.



Secara keseluruhannya, Program MEDFEC ini adalah satu acara yang berjaya dan bermakna. Ia telah mencerminkan pencapaian pelajar tahun akhir dalam bidang kejuruteraan, serta membina jambatan antara dunia akademik dan industri. Harapannya, hasil daripada pameran ini akan terus memberikan impak positif dan memberi inspirasi kepada generasi pelajar kejuruteraan yang akan datang.

PROGRAM EKSPLORASI SILANG BUDAYA & KHIDMAT KOMUNITI ANTARABANGSA PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) PTSB KE SELATAN THAILAND TAHUN 2024



Oleh: MOHAMAD NOR AIMAN MASNOR IZAM

09 - 11 Mei 2024

– Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) telah menganjurkan Program Eksplorasi Silang Budaya & Khidmat Komuniti Antarabangsa di Selatan Thailand Tahun 2024 yang bertempat di Madrasah Tahfizul Quran Bustanuljannah (Daring) Pattani, Thailand. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada Jawatankuasa Pembimbing Rakan Siswa (PRS) yang dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran asas menolong agar dapat dipraktikkan secara silang budaya. Aspek kemahiran asas menolong secara silang budaya diberi penekanan dalam program ini bagi mengembangkan bakat peserta ke arah menerapkan elemen Global Citizen Values.



Program memfokuskan kepada khidmat komuniti dari sudut psikologi, berbeza dengan khidmat komuniti yang sering dilaksanakan oleh organisasi atau badan kesukarelawanan yang lain, khidmat komuniti ini memfokuskan kepada aspek psikologi dengan elemen Terapi Seni Ekspresif. Terapi Seni Ekspresif telah dijadikan modul utama dalam khidmat komuniti ini bagi membantu dari segi sokongan sosial masyarakat setempat secara silang budaya memandangkan daerah di Selatan Thailand masih serumpun dengan negara kita Malaysia. Program juga bertujuan memberi pendedahan kepada Jawatankuasa Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dalam mempelajari 'antarabudaya' antara negara serta dapat mendorong pemahaman dan toleransi silang budaya dan membantu peserta untuk lebih memahami kepelbagaian cara hidup masyarakat di negara lain.



Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran sosial dalam kalangan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) bagi memupuk kesedaran terhadap isu-isu sosial dan dapat membantu untuk lebih peka terhadap keperluan masyarakat global. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membentuk hubungan yang baik antara dua negara serumpun yang berlainan budaya. Program ini juga bertujuan melatih Pembimbing Rakan Siswa (PRS) berkaitan kemahiran sosial, kepimpinan, dan kerjasama yang baik walaupun bekerja dalam agama, bangsa dan bahasa yang berbeza. Manakala pensyarah, pegawai dan kakitangan yang terlibat pula dapat meningkatkan kepakaran dalam bidang psikologi di peringkat antarabangsa sekaligus memandu komuniti antarabangsa ke arah peningkatan kelangsungan kecerdasan emosi secara silang budaya.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH (UNMUHA), BANDA ACEH INDONESIA KE JABATAN PERDAGANGAN PTSB

Oleh: CHARANJEET KAUR A/P AMTAR SINGH

14 Mei 2024

Jabatan Perdagangan (JP) telah menerima Kunjungan Hormat dari delegasi Universitas Muhammadiyah Aceh, Banda Aceh Indonesia. Kunjungan ini diketuai oleh Rektor UnMuha iaitu Dr. Aslam Nur MA dan Dekan Fakultas Ekonomi, Zulkifli Umar, S.E,M.Si,CA serta pensyarah Rusnaidi,S.E.,M.Si. Tujuan kunjungan hormat ini adalah sebagai memenuhi sebahagian aktiviti “Agreed Minute of Meeting”(AMM) yang telah dilaksanakan semenjak tahun lepas. Lawatan ini disambut baik oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Gs. Mohd. Zamre bin Ab Rahman, Ketua Unit Pengantarabangsaan Puan Noor Hazini binti Ab Halim dan Ketua Jabatan Perdagangan, Encik Abdul Aziz bin Ishak, serta ahli jawatan kuasa unit pengantarabangsaan JP.



Lawatan delegasi ini diteruskan ke Jabatan Perdagangan sebagai penandaarasan kepada beberapa aktiviti peningkatan kemahiran (skills development) dalam kalangan pelajar jabatan perdagangan seperti lawatan ke makmal aplikasi sistem maklumat perakaunan “Auto Count”, “Vendor” dan “Industry On Campus”(IOC). Rektor UnMuha sangat bersetuju dengan pelaksanaan kaedah peningkatan kemahiran kepada pelajar PTSB dari aspek penglibatan pelajar dalam aplikasi sistem perakaunan berkomputer yang sebenar semasa proses pembelajaran lagi. Delegasi juga telah berbincang dengan Unit Pengantarabangsaan (ILU) PTSB berkaitan program mobiliti pelajar dan pensyarah ke peringkat antarabangsa dengan mengadakan program Corporate Social Responsibility (CSR) yang berimpak tinggi yang bertemakan teknologi hijau. Cadangan untuk mengadakan program ini adalah pada bulan Julai 2024 yang akan disertai oleh 7 orang pensyarah dan 13 orang pelajar PTSB ke Banda Aceh Indonesia.



Pihak pengurusan tertinggi PTSB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada Unit Pengantarabangsaan dan Jabatan Perdagangan memenuhi hasrat dari delegasi UnMuha dengan jayanya sepanjang kunjungan mereka ke PTSB. Adalah diharapkan dengan adanya kunjungan hormat seumpama ini boleh dipergiatkan oleh mana-mana institusi pendidikan yang telah bekerjasama dengan PTSB. Ucapan terimakasih kepada seluruh warga jabatan perdagangan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Perdagangan atas kerjasama yang telah diberikan.



KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI KULIM (KPTK) 2024 FASA 2

Oleh: MAZIAH OMAR

14 Mei 2024 – Seramai lebih 3,000 ribu pengunjung hadir memeriahkan Karnival Pengajian Tinggi Kulim (KPTK) 2024 Fasa 2 yang telah berlangsung dengan jayanya di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah.

Karnival ini merupakan inisiatif Pertubuhan Kebajikan Anak Kedah (Kaseh) untuk memberi pendedahan kepada pengunjung khususnya pelajar serta menggalakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengunjung kebanyakan terdiri daripada calon-calon lepasan SPM dan STPM/setaraf, berpeluang memohon dan mengemaskini permohonan UPU Online secara langsung dengan bimbingan pegawai-pegawai yang bertugas sepanjang program.

Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Haji Mohd Ruzi bin Hamzah berkata, “PTSB sentiasa komited terhadap penganjuran program bermanfaat seperti ini. Saya mewakili pengurusan tertinggi dan warga PTSB sangat berbesar hati dipelawa turut serta sebagai tuan rumah KPTK 2024”.

Pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung sepanjang program ini, termasuk reruai dan pameran institusi, sesi konsultasi UPU Online, konsultasi penajaan, biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi, serta taklimat kerjaya. Pengisian aktiviti bertujuan untuk memberikan maklumat dan bantuan yang komprehensif kepada pelajar dalam merancang masa depan pendidikan mereka.

Karnival ini bukan sahaja berjaya menarik minat ramai pengunjung, malah turut memberikan impak positif dalam membentuk kesedaran dan pengetahuan mengenai peluang pendidikan tinggi yang ada di negara ini.





“WASTE TO WEALTH DAY”

Oleh : Ts. FAIZATULHAIDA MD ISA

15 Mei 2024

- PTSB melalui unit UPTH telah menganjurkan program *Waste to Wealth Day* sebagai tanda sokongan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui aktiviti kitar semula. Kitar semula boleh ditafsirkan sebagai memproses barang-barang lama untuk dijadikan barang-barang baru. Ini termasuklah menggunakan semula

Antara kesan utama adalah minyak dan lemak akan mengeras dan menyumbat paip pembetulan, sisa minyak dan lemak yang terkumpul di dalam lurang kumbahan akan menyebabkan masalah sanitasi dan bau busuk dan seterusnya menyumbang kepada pencemaran tanah dan air. Oleh itu, adalah penting untuk mengasingkan dan melupuskan



barang-barang tersebut seperti yang asal ataupun memberinya kepada orang yang boleh menggunakannya. Barang-barang yang boleh dikitar semula ialah seperti minyak masak, kertas, plastik, kertas kadbod, kaca, e-waste dan pakaian. E-waste, atau sisa elektronik, memberi kesan buruk kepada alam sekitar jika tidak diuruskan dengan betul.

sisa minyak dengan cara yang betul, seperti mengitar semula atau menyerahkannya kepada pihak berkuasa untuk diproses dengan selamat. Ini dapat mengelakkan kerosakan kepada sistem pembetulan dan alam sekitar. Melalui kempen yang dijalankan ini dapat memberi kesedaran kepada warga PTSB akan kepentingan kitar semula e-waste



dan minyak terpakai, menyampaikan maklumat tepat berkenaan impak e-waste dan minyak terpakai kepada alam sekitar serta menyediakan saluran untuk warga PTSB untuk kitar semula e-waste dan minyak terpakai.



STEM + CSR @Merbau Pulas



Oleh : Ts. FAIZATULHAIDA MD ISA

20 Mei 2024

- Kerjasama melibatkan NADi Merbau Pulas, Politeknik Seberang Perai, Politeknik Balik Pulau serta Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah menganjurkan Program STEM + CSR @Merbau Pulas. Peserta program ini terdiri daripada 90 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Merbau Pulas, Sekolah Kebangsaan (T) Ladang Batu Pekaka, Sekolah Kebangsaan Seri Jemeli, Sekolah Kebangsaan (T) Ladang Kuala Ketil dan Sekolah Kebangsaan Batu Pekaka. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pengalaman serta pendedahan kepada para peserta untuk meneroka aktiviti STEM yang dilaksanakan secara *hands-on* melalui aktiviti *Rubber Band Car*. Melalui aktiviti ini para pelajar didedahkan dengan tatacara penyediaan, penghasilan dan ujilari trek *Rubber Band Car*. Di samping itu, menerusi aktiviti yang dijalankan para peserta juga dapat meningkatkan kreativiti serta keyakinan diri untuk tampil lebih yakin dan dapat berkomunikasi dengan sihat dan berkesan di kalangan ahli kumpulan.

Majlis Kesyukuran DAN APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 SESI II 2023/2024

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

20 Mei 2024

– Majlis Kesyukuran dan Apresiasi Pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan makan ULPL, PTSB dengan penyertaan Pelajar Semester Akhir JKM sesi 2 2023/2024.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan para pelajar sebelum melangkah ke latihan industri dan memberi penghargaan kepada mereka yang beroleh pencapaian yang baik dalam akademik dan juga kokurikulum. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, En. Azhar bin Fikri. Kod pakaian untuk majlis ialah bertemakan “Raya lagi”. Para tetamu kelihatan berseri-seri dengan pakaian tradisional Melayu terbaik mereka.

Tahniah dan syabas kepada kesemua yang menerima anugerah dan diharapkan kesemua pelajar mendapat suntikan semangat dan motivasi untuk terus cemerlang walau dimana jua berada. Jutaan terima kasih kepada kesemua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.



PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI BERSAMA NGO

OLEH: NOR LAILI ABDUL RAHMAN

08 - 10 JUN 2024

- HARI

PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI.

Program ini memanfaatkan 29 orang pelajar Sukarelawan YES PTSB dengan mendapat pengalaman bekerjasama dengan NGO *Life Line Clothing Msia Sdn Bhd*.

Lambakan pakaian terpakai di setiap isi rumah merupakan masalah yang sering dialami oleh semua orang.

Perkara ini meresahkan kerana terdapat pakaian yang masih boleh dipakai sedangkan pihak *Environment Idaman* tidak lagi mahu menerima pakaian disebabkan lambakan dipusat pengumpulan sisa sedia ada. Kitar semula boleh ditafsirkan sebagai memproses pakaian lama untuk dijadikan barang-barang baru. Ini termasuklah menggunakan semula pakaian tersebut seperti yang asal ataupun memberinya kepada orang yang boleh menggunakannya. Justeru itu, program yang dijalankan ini dapat memberi jalan kepada warga PTSB untuk menyelesaikan masalah tersebut. Melalui program yang dijalankan ini juga dapat membantu untuk mengekalkan kehijauan bumi ini melalui kaedah pelupusan atau guna semula pakaian-pakaian yang masih boleh dipakai. Hasil daripada program ini, sebanyak 4 buah lori pakaian terpakai telah berjaya dikumpul dan diserahkan kepada NGO *Life Line Clothing Msia Sdn Bhd*.



KURSUS JURUAUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

OLEH: DR. JANET HO SIEW CHING

12 - 13 Jun 2024

- Satu kursus melibatkan Juruaudit Dalaman EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) telah diadakan untuk tujuan penerangan berkaitan prosedur yang perlu dilaksanakan oleh juru audit semasa pengauditan dalaman EKSA yang akan dilaksanakan nanti. Amalan pembudayaan EKSA adalah penting bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun.

Ia akan memberi impak secara langsung dalam mempertingkatkan budaya kerja cemerlang dan berinovatif serta menghasilkan produktiviti tinggi melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif.

Pengauditan perlulah mematuhi penilaian etika dan kriteria yang ditetapkan oleh MAMPU/JPA. Seterusnya, memberi kelayakan kepada Juru Audit Dalaman Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) sebagai Juru Audit sebagaimana yang menjadi syarat oleh pihak MAMPU/JPA.



KURSUS RASPBERRY PI UNTUK PEMROSESAN IMEJ

(PENGENALAN, PRAKTIKAL DAN PROJEK)

Oleh: AZMAN SALLEH

12 - 13 Jun 2024

– *Center of Technology* Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menjalankan satu Kursus RASPBERRY PI untuk pemprosesan imej kepada seramai 19 pelajar sekolah menengah yang diiringi dengan 4 orang guru bertempat di Makmal Komputer JKE A1. Pemprosesan imej menggunakan *Raspberry Pi* adalah kursus untuk memperkenalkan peserta kepada konsep asas pemprosesan imej digital menggunakan *Raspberry Pi* sebagai platform. Kursus pemprosesan imej menggunakan *Raspberry Pi* merupakan pilihan yang tepat dan relevan dalam konteks teknologi semasa seperti kampuan(komputasi dan pemprosesan), kos yang berpatutan dan selari dengan keperluan industri.

Keseluruhannya program ini memberi impak yang signifikan dalam peningkatan pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang konsep-konsep asas pemprosesan imej dan kemahiran praktikal aplikasi menggunakan *Raspberry Pi* yang seterusnya menjadi pendorong kepada penghasilan inovasi baru dalam bidang berkaitan. Selain itu, melalui kursus seperti ini dapat membantu mengukuhkan ekosistem pembangunan teknologi tempatan dalam penggunaan *Raspberry Pi* untuk pemprosesan imej.





Kursus Ai Server Administration with VMWare ESXi and NVAIE

Oleh: AZMAN SALLEH

12 - 13 JUN 2024 – Kursus Ai Server Administration with VMWare ESXi and NVAIE telah diadakan selama 2 hari bertempat di Makmal ECAD dan Bilik Server JKE. Kursus ini memberi pendedahan kepada cara mengoptimumkan penggunaan sumber, mengurus beban kerja AI, serta memastikan keselamatan dan pemulihan infrastruktur AI. Kursus secara teori dan praktikal ini ini dijayakan oleh Novarian Sdn, Bhd sebagai NVIDIA Certified Partner dengan 3 orang fasilitator dan dihadiri oleh 7 orang peserta.



Peserta yang berjaya menamatkan kursus ini secara langsung akan dilantik sebagai pentadbir server Ai yang telah dibekalkan dan sedia digunakan. Kursus telah memberi pengetahuan dan kemahiran yang amat penting dalam pengurusan infrastruktur AI dan virtualisasi.



KURSUS PENGAKAP KELANA UDARA KANAN (*SENIOR AIRMAN COURSE*)

OLEH: MASLINA SULEIMAN

13- 16 JUN 2024

– Kursus Pengakap Kelana Udara Kanan telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kursus yang berlangsung selama 4 hari 3 malam itu telah dihadiri oleh 90 orang ahli Pengakap Kelana Udara dari seluruh Malaysia yang mendedahkan pelbagai aktiviti dan ilmu kemahiran berkaitan. Pengakap (udara) Kelanasiswa PTSB telah menghantar seramai 8 orang ahli kelana bagi menyertai program ini. Kesemua peserta dari PTSB telah Berjaya mengakhiri kursus ini serta ujian yang dijalankan yang melayakkan mereka untuk mendapat lencana sayap kanan serta sijil kursus.

Kursus Pengakap Kelana Udara Kanan ialah salah satu lencana wajib yang perlu dimiliki oleh seseorang ahli pengakap kelana udara sebelum ke Anugerah Penilaian Baden Powel Award (BPA). Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Kelana Udara, sebagai mengakui berbagai pengetahuan kemahiran dalam perkara berhubung dengan Undang-Undang Udara, teori Penerbangan, meteorologi, pengoperasian udara dan pengoperasian daratan serta fungsi Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

Program Lencana Ahli Udara Kanan bertujuan melatih dan menerapkan setiap ahli pengakap kelana udara dengan ilmu dan kemahiran keahli-udaraan ataupun *airmanship* di dalam jiwa mereka. Ilmu keahli-udaraan menekankan penguasaan di dalam tiga aspek utama iaitu Penguasaan pengetahuan aerodinamik dan teori penerbangan, kemahiran melakukan tugas ahli udara dengan kecekapan yang tinggi dan keupayaan melakukan pertimbangan dengan wajar dengan mengaplikasikan.



BENGGEL CATALOGING AND CLASSIFICATION

Oleh: EVA ERNA BASIRAN

20 Jun 2024

- Pusat Sumber IPG Kampus Sultan Abdul Halim (KSAH) telah mengadakan Bengkel *Cataloging and Classification* dengan menjemput Pustakawan Perpustakaan PTSB, Puan Hazaini Binti Zainal Abidin sebagai panel jemputan untuk memberi input bagi bengkel ini. Bengkel ini telah diadakan di Bilik Seminar Perpustakaan AL-Khawarizimi PTSB yang melibatkan seramai 18 peserta yang terdiri daripada para pelajar dari Kelab Pusat Sumber IPG Kampus Sultan Abdul Halim (KSAH) telah menyertai bengkel ini.

Antara tujuan bengkel ini dilaksanakan antara lain adalah untuk menyediakan garis panduan yang boleh dirujuk semasa melakukan proses pengkatalogan dan pengkelasan bahan bacaan/rujukan disamping

memastikan kualiti rekod bibliografik semua format bahan adalah terkawal dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan (Library of Congress). Selain itu, proses pengkatalogan dan pengkelasan ini penting kerana ia dapat memudahkan akses oleh para pengguna dan memastikan sistem penyimpanan bahan bacaan yang lebih teratur dan sistematik.



Kursus CNC *Turning*


Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

23 Jun 2024

- Bertepatan dengan salah satu fungsi jabatan untuk meningkatkan taraf kemahiran di kalangan pensyarah dan juga untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah menganjurkan kursus CNC *Turning*. Antara lain kursus ini bertujuan untuk membolehkan para peserta mempelajari kemahiran teknologi terkini sistem pembuatan termaju IR4.0 dan menyediakan kemahiran teknologi sejajar dengan matlamat TVET negara.

Kursus ini telah dihadiri oleh 10 orang pensyarah dan 2 orang fasilitator iaitu Dr. Ts. Ros Saidatunnaziah dan Dr. Siti Rozakiyah Assurin. Banyak ilmu yang telah dikongsi dan dicurahkan sepanjang kursus amali ini berlangsung. Para pensyarah juga berpeluang melakukan aktiviti hands-on bagi mesin turning lathe.

Melalui kursus ini juga kompetensi seseorang pekerja dapat dipertingkat. Dengan penyediaan latihan, para pensyarah akan lebih berilmu dan berkemahiran. Ini membolehkan mereka menjalankan tugas tanpa perlu bantuan berterusan dan pengawasan.



KURSUS ASAS GEGAS

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

24 Jun 2024

- Kursus Asas Gegas

merupakan kursus yang bertujuan untuk menambahkan pengetahuan asas para pensyarah berkaitan bagaimana tatacara menggunakan perlatan gegas secara betul dan praktikal serta penjagaan setiap peralatan gegas.

Kursus ini dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta dalam masa yang sama boleh meningkatkan kemahiran pensyarah melalui ilmu yang diperolehi di dalam latihan untuk diaplikasikan kepada para pelajar. Melalui kursus ini juga kompetensi seseorang pekerja akan meningkat. Dengan penyediaan latihan para pensyarah, akan lebih berilmu dan berkemahiran. Ini membolehkan mereka menjalankan tugas tanpa perlu bantuan berterusan dan pengawasan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya meningkatkan kemahiran para peserta dalam tatacara penggunaan alatan gegas. Secara tidak langsung, melalui kursus ini para peserta telah meningkatkan satu lagi ilmu berkaitan pemasangan alatan gegas. Selain itu, melalui kursus ini, ianya dapat meningkatkan keyakinan para peserta terhadap kemahiran menggegag.



BENGGKEL PEMBANGUNAN PLATFORM *MICRO CREDENTIAL* TAHUN 2024

Oleh: NURFAH NABILAH MOHD FADZIL

25 Jun 2024

- Bengkel Pembangunan Platform *Micro Credential* dilaksanakan bertujuan untuk menambah pengetahuan asas para pensyarah berkaitan tatacara membangun platform *Micro Credential*. Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 peserta yang terdiri daripada pensyarah dari semua jabatan akademik PTSB. Platform *Micro Credential* merupakan platform yang direka bentuk dengan laluan pembelajaran khusus dan melibatkan pembelajaran program mengikut kadar pengguna itu sendiri dalam persekitaran terutamanya dalam talian. Melalui penganjuran bengkel ini, para pensyarah berpeluang untuk mendapatkan pendedahan, maklumat dan panduan untuk membangunkan sendiri platform *Micro Credential*.

Melalui bengkel ini, semua peserta memperoleh ilmu baharu berkaitan pembangunan platform *Micro Credential*. Di akhir kursus ini, para peserta telah berjaya membina tapak platform *Micro Credential* mengikut kumpulan yang dibentuk mengikut program masing - masing. Semasa bengkel ini juga, penceramah iaitu Puan Normawar binti Ali juga menerangkan elemen - elemen PdP yang diperlukan untuk membangunkan platform *Micro Credential* ini.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para peserta dalam pembangunan platform *Micro Credential*. Secara tidak langsung, melalui bengkel ini para peserta telah meningkatkan satu lagi ilmu berkaitan ICT untuk kegunaan bagi keperluan pembelajaran, kerja pejabat dan apa jua bidang yang mempunyai keperluan terhadap penggunaan platform yang dibangunkan. Selain itu, melalui bengkel ini, ianya dapat meningkatkan keyakinan para peserta terhadap pembangunan platform *Micro Credential*.





PTSB podcast



YouTube Shout TVET PTSB

Oleh: TS. AZHANI ARIFFIN

Dalam era digital ini, podcast telah menjadi medium yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan berinteraksi dengan audiens secara lebih dinamik dan fleksibel. PTSB, sebagai institusi pendidikan yang memfokuskan pada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga telah memanfaatkan podcast untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan, kejayaan pelajar, dan inovasi dalam bidang TVET.

Podcast menawarkan cara yang menarik dan mudah untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar, ibu bapa, industri, dan masyarakat umum.

‘BualSantai@PTSB’ mengetengahkan gaya santai dengan durasi 30 – 45 minit setiap episod. Frekuensi yang dicadangkan adalah 1 episod setiap bulan atau bergantung keperluan dan arahan Pengarah. Setiap episod akan mengetengahkan isu-isu semasa yang menarik dan bermanfaat. Bermula dengan podcast di Tik Tok Live pada 24 Mei 2024 dengan tajuk Ke Mana Kita Lepas SPM? dengan tetamu jemputan iaitu Encik Norsyahidan, Ketua Jabatan HEP dan Muhammad Syafiq Zamri, YDP MPP PTSB.

Berikut adalah kandungan Podcast ‘BualSantai@PTSB’ yang telah dan bakal ditayangkan.

24 Jun 2024

Ep. 1 : “Alumni Success Story”
(Tetamu : En. Azim Nurhakim)

3 Julai 2024

Ep. 2: “Rumble Drone Soccer”
(Tetamu : Puan Norasykin Fazil)

31 Julai 2024

Ep. 3 : “Coffee Table Talk with the Industries”
(Tetamu: Industri)

19 Ogos 2024

Ep. 4 : “Down the Memory Lane”
(Tetamu : Puan Yusma binti Yusof)

22 September 2024

Ep. 5 : “PPRN 2.0”
(Tetamu : CEO, Miracle Medallion Centre)

20 Oktober 2024

Ep.6 : “Polytechnic:The Unsung Heroes”
(Tetamu : En. Mohd Noor bin Shahudin)

22 Disember 2024

Ep 6 : “PTSB Best Nine 2024 & Way Forward 2025”
(Tetamu: Pengarah PTSB & PTSB High Achievers)

Podcast ‘BualSantai@PTSB’ disiarkan di semua platform media sosial rasmi PTSB: Facebook, Instagram, TikTok, Laman Web Rasmi PTSB dan saluran YouTube, PTSB ShoutTVET.





POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH
KULIM HI TECH PARK
09090, KULIM, KEDAH
www.ptsb.mypolycc.edu.my

